



PENGIRAAN AWAL SYER KERAJAAN (Pre-PEN)

TUJUAN

Pengiraan Awal Syer Kerajaan ini membolehkan ahli KWSP yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam dan telah diberikan taraf pekerja berpencen yang berumur 55 tahun, melaksanakan permohonan pengiraan awal Syer Kerajaan sebelum umur persaraan bagi mengurangkan risiko terambil bahagian Syer Kerajaan (terhutang).

KELAYAKAN MEMOHON

- i. Pekerja dalam sektor awam dan mencarum sehingga diberi taraf berpencen oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA);
- ii. Ahli mencapai umur 55 tahun;
- iii. Ahli ialah warganegara Malaysia;
- iv. Belum pernah membuat Pengeluaran Pekerja Pencen (SPPB) atau Pesara Pilihan(SPP)

KONSEP PENGIRAAN AWAL SYER KERAJAAN

- Jumlah caruman bagi tempoh wajib mencarum semasa berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam perlu diasingkan. Caruman pekerja akan dikekalkan di akaun ahli dan caruman majikan kerajaan akan dipindahkan ke Akaun Syer Kerajaan. Amaun di Akaun Syer Kerajaan akan dihantar ke Kumpulan Wang Amanah Persaraan (KWAP) apabila ahli bersara dari perkhidmatan awam. Sekiranya terdapat caruman yang diterima daripada majikan swasta sebelum, semasa dan selepas tempoh wajib ini, caruman tersebut juga akan dikekalkan di akaun KWSP ahli.
- Sekiranya terdapat kesilapan dalam maklumat tempoh perkhidmatan di dalam Lampiran A dan bahagian syer kerajaan telah diasingkan ke Akaun Syer Kerajaan, KWSP tidak akan membuat pengiraan semula. Pelarasan akan hanya dibuat apabila ahli bersara (setelah pengiraan akhir syer kerajaan dibuat).
- Dalam keadaan di mana ahli didapati terhutang dengan kerajaan (sebahagian syer kerajaan telah terambil melalui pengeluaran sebelum ini), kerajaan akan mendapatkan semula jumlah yang terhutang itu melalui potongan ganjaran dan/atau pencen bulanan ahli semasa bersara kelak.

SENARAI DOKUMEN YANG DIPERLUKAN

1. Permohonan di Kaunter KWSP

Pemegang myKad

- Permohonan diproses secara '*Hassle Free*', iaitu ahli tidak perlu mengisi borang permohonan
- **Lampiran A – Notis Akuan Pelepasan Caruman Kerajaan dan Pengiraan Awal** (mengikut format KWSP)

Bukan pemegang myKad

- Borang Pengeluaran **KWSP 9PP (AHL)**
- Dokumen pengenalan diri (asal dan salinan)
- **Lampiran A – Notis Akuan Pelepasan Caruman Kerajaan dan Pengiraan Awal** (mengikut format KWSP)

Dokumen Tambahan

- Surat pengesahan Majikan (ahli anggota polis)
Rasional → Sekiranya tiada dokumen lain yang boleh dibuat rujukan silang antara No. Polis dan No. K/P awam merujuk orang yang sama
- Lain-lain dokumen tambahan tertakluk kepada syarat dan prosedur semasa

2. Permohonan Melalui Pos

- Borang Pengeluaran **KWSP 9PP (AHL)**
- Salinan myKad / dokumen pengenalan diri
- **Lampiran A – Notis Akuan Pelepasan Caruman Kerajaan dan Pengiraan Awal** (mengikut format KWSP)
- Borang KWSP 3 (Pindaan)

NOTA :

KWSP berhak meminta apa-apa dokumen tambahan sekiranya diperlukan dan menolak mana-mana permohonan yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat yang ditetapkan.

NOTA AMARAN

- **Membuat Kenyataan Yang Tidak Betul Atau Tidak Benar Atau Mengemukakan Dokumen Palsu**
Sekiranya pemohon memberi kenyataan yang tidak betul atau tidak benar atau mengemukakan dokumen palsu, pemohon dianggap telah melakukan kesalahan dan sekiranya disabitkan pemohon boleh dipenjarakan selama tempoh yang tidak melebihi tiga tahun atau didenda tidak melebihi RM10,000.00 atau kedua-duanya [Seksyen 59 (1), Akta KWSP 1991].

PERTANYAAN

Jika ahli mempunyai kemusykilan atau memerlukan maklumat lanjut mengenai pengeluaran ini, sila hubungi :-

- Mana-mana cawangan KWSP yang berhampiran
- Pusat Pengurusan Perhubungan KWSP. Tel: **03-8922 6000**
- Maklumbalas Pelanggan, <http://enquiry.kwsp.gov.my>

Sila nyatakan nombor KWSP atau nombor Kad Pengenalan ahli dan jenis pengeluaran yang dipohon apabila berurusan dengan KWSP. Ahli juga boleh melayari laman web KWSP di alamat www.kwsp.gov.my bagi mendapatkan maklumat lanjut mengenai jenis pengeluaran KWSP dan panduan umum kepada ahli.

Anda Keutamaan Kami